

<u>COPY</u>	<u>PLEASE NOTE:</u> <i>This table contains details of the Contest and is used for reference purposes only; while copy-work is in progress. This table will be removed when the FINAL PDF or WORD file is SAVED for further/official publications.</i>			
	Date:	11/03/2026	Period:	22/04/2026 – 30/06/2026 (10 WKS)
	Client:	F&N Beverages Marketing Sdn Bhd	Product:	F&N
	PROJECT NAME:	PERADUAN F&N PESTA BERGANDA, HADIAH BERGANDA! (SABAH & SARAWAK)	Media:	Website [9 pages]
	PIC:	teresa.tee@fn.com.my	Language:	BM
Prepared by:	rozy.rahim@omnitem.com.my ck.liew@omnitem.com.my	Revision:	FINAL (08/04/2026)	

TERMA DAN SYARAT PROMOSI

<u>Penganjur:</u>	F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (Co. No. 004594-A)
<u>Peraduan:</u>	PERADUAN F&N PESTA BERGANDA, HADIAH BERGANDA! (“Peraduan”).
<u>Tempoh Peraduan:</u>	1. Peraduan bermula dari 00:00:00, 22/04/2026 dan berakhir pada 23:59:59, 30/06/2026 (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
<u>Kelayakan:</u>	1. Peraduan ini dibuka kepada semua penduduk sah di SABAH dan SARAWAK berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan nombor pengenalan yang sah pada permulaan penyertaan semasa Tempoh Peraduan kecuali kakitangan serta anggota keluarga terdekat, syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan pembekal Penganjur.
<u>Kaedah Penyertaan:</u>	<p>1. Untuk menyertai Peraduan, Peserta dikehendaki membeli minimum Ringgit Malaysia Lapan (RM8) sahaja produk F&N turut serta iaitu, 100PLUS, F&N, Seasons, Oyoshi, EST, Magnolia, Farmhouse, F&N Canned Milk, TEAPOT dan Gold Coin (“Produk”) dalam satu resit tunggal (“Resit”) daripada mana-mana outlet (di dalam kedai atau dalam talian) (“Outlet”) di SABAH dan SARAWAK semasa Tempoh Peraduan.</p> <p>2. <u>Pembelian di dalam kedai:</u></p> <p>a. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem “point-of-sale” mana-mana Outlet fizikal. Resit Invois Cukai bertulis, Pesanan Pembelian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima.</p> <p>b. Resit juga mesti mengandungi nama dan/atau logo Outlet tersebut, tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk dan nombor Resit (“Butiran Resit”).</p> <p>3. <u>Pembelian dalam talian:</u></p>

	<p>a. Resit mestilah dalam bentuk tangkapan skrin invois bagi pembelian dalam talian daripada mana-mana peniaga dalam talian di Sabah atau Sarawak sahaja. Jika kod promosi dan/atau rebat dan/atau baucar diskaun dan/atau baucar penghantaran dan/atau sebarang diskaun lain digunakan semasa pembelian dalam talian, <u>jumlah bayaran akhir bagi Produk</u> mesti sama atau melebihi Nilai Pembelian Minimum.</p> <p>b. Resit juga mesti mengandungi nama dan/atau logo Peniaga dalam talian, tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk dan nombor Resit (“Butiran Resit”).</p> <p>4. Kaedah penyertaan Peraduan adalah melalui WhastApp sahaja. Setiap Resit HANYA layak untuk satu (1) penyerahan penyertaan melalui WhatsApp. Penganjur berhak membatalkan mana-mana Resit dengan butiran yang tidak lengkap, dicetak semula, berulang, tidak boleh dibaca, tidak jelas, rosak, diubah, diubah suai, yang dihasilkan sendiri, dipalsukan dan/atau dalam apa jua bentuk yang tidak memenuhi syarat pada pendapat Penganjur. Semua Resit yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa notis lanjut kepada Peserta.</p>
<p><u>Entry Submission:</u></p>	<p>1. <u>Langkah-langkah kemasukan penyertaan WhatsApp:</u></p> <p>a. Tangkap satu (1) gambar/imej <u>yang jelas dan boleh dibaca</u> dalam format jpg atau jpeg atau png Resit lengkap dengan Butiran Resit (“Imej”).</p> <p>b. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Resit sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB.</p> <p>c. Hantar Imej melalui WhatsApp ke nombor WhatsApp rasmi PERADUAN F&N PESTA BERGANDA, HADIAH BERGANDA!: +6018 3113 608 (“Nombor WhatsApp Rasmi Promosi”) atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi menggunakan nombor mudah alih yang didaftarkan di Malaysia.</p> <p>d. Anda akan menerima mesej auto-balas yang mengarahkan anda untuk menyerahkan Nama Penuh dan Nombor Pengenalan anda (“Butiran Peribadi”). Untuk melengkapkan pendaftaran dan penyerahan penyertaan anda (“Penyertaan”). Sila ikut arahan dalam mesej auto-balas dan serahkan butiran yang diperlukan dengan segera.</p> <p>e. Anda dikehendaki memberikan Butiran Peribadi anda sekali sahaja. Anda boleh menghantar seberapa banyak Penyertaan yang anda inginkan, dan semua Penyertaan seterusnya akan dipautkan kepada Butiran Peribadi yang diberikan pada mulanya.</p> <p>f. Mesej perakuan auto-balas akan dihantar oleh Penganjur untuk Penyertaan WhatsApp pertama yang diterima daripada setiap nombor mudah alih sahaja.</p> <p>2. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Semua penyertaan yang diterima tertakluk kepada semakan dan pengesahan Penganjur. Penganjur berhak untuk menolak, membatalkan kelayakan dan/atau membatalkan mana-mana Penyertaan dengan gambar/imej yang tidak jelas, tidak boleh dibaca atau tidak lengkap, Bukti Pembelian yang dicetak semula, Bukti Pembelian yang berulang, mengandungi lebih daripada satu Bukti Pembelian, Penyertaan lewat (iaitu: Penyertaan diterima selepas 23:59:59, 30/06/2026) dan/atau diubah, diubah suai, dihasilkan sensiri, dipalsukan dalam apa jua bentuk</p>

	<p>yang tidak memenuhi keperluan peraduan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa notis.</p> <ol style="list-style-type: none"> Penganjur berhak untuk meminta salinan cetak Resit asal sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.
<u>Peluang Kemenangan:</u>	<ol style="list-style-type: none"> Semua Penyertaan yang Layak (“Penyertaan Layak”) diterima oleh Penganjur semasa Tempoh Peraduan akan diperuntukkan peluang kemenangan dalam bentuk nombor bersiri mengikut turutan berdasarkan Produk yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Resit yang dihantar. Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah pembelian seperti yang dinyatakan dalam Resit yang diserahkan. Bagi setiap Ringgit Malaysia Lapan (RM8), Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri sehingga maksimum dua puluh (10) nombor bersiri. Sebarang jumlah baki dalam Resit akan dibatalkan sebaik sahaja nombor bersiri minimum bagi setiap Resit telah diperuntukkan. Sila rujuk klausa Pemilihan Pemenang di bawah. <u>Contoh:</u> <ol style="list-style-type: none"> Jika anda membeli sejumlah RM10.50 Produk dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri. Jika anda membeli sejumlah RM160.50 Produk dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan dua puluh (20) nombor bersiri. Jika anda membeli sejumlah RM380.60 Produk dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan dua puluh (20) nombor bersiri. Satu set nombor bersiri akan diberikan kepada semua Penyertaan Layak mengikut tarikh dan masa diterima bermula dari nombor bersiri “1”.
<u>Hadiah Harian:</u>	<ol style="list-style-type: none"> Terdapat sejumlah enam (6) Hadiah Harian dalam bentuk kredit e-Wallet RM88 pilihan anda untuk dimenangi setiap hari selama tujuh puluh (70) hari berturut-turut. Terdapat sejumlah empat ratus dua puluh (420) Hadiah Harian untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.
<u>Pemilihan Pemenang Hadiah Harian:</u>	<ol style="list-style-type: none"> Setiap hari satu set nombor bersiri akan diperuntukkan kepada Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri “1”. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Jumlah Penyertaan Layak setiap hari. Jumlah Penyertaan Layak setiap hari kemudiannya akan dibahagikan dengan enam (6) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan untuk Hadiah Harian. Sekiranya nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat terdekat yang terhasil.

	<p><u>Contoh:</u> Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak bagi Hari 1 ialah 541, Penganjur akan memilih Finalis berdasarkan mekanik berikut.</p> <p>a. <u>Enam (6) Finalis Hadiah Harian:</u> 541 akan dibahagikan dengan 6 yang bersamaan dengan 90.17 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 90. Pegganda Nombor bersiri kemenangan dalam kes ini ialah 90. Enam (6) Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri dengan gandaan 90 iaitu: 90, 180, 270, 360, 450 dan 540 akan dipilih.</p>
<u>Hadiah Mingguan:</u>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terdapat enam (6) Hadiah Mingguan dalam bentuk kredit e-Wallet RM1088 pilihan anda selama sepuluh (10) minggu semasa Tempoh Peraduan. 2. Terdapat sejumlah enam puluh (60) Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. 3. Sepuluh (10) tempoh mingguan adalah seperti berikut: Week 1: 22/04/2026 – 28/04/2026 Week 2: 29/04/2026 – 05/05/2026 Week 3: 06/05/2026 – 12/05/2026 Week 4: 13/05/2026 – 19/05/2026 Week 5: 20/05/2026 – 26/05/2026 Week 6: 27/05/2026 – 02/06/2026 Week 7: 03/06/2026 – 09/06/2026 Week 8: 10/06/2026 – 16/06/2026 Week 9: 17/06/2026 – 23/06/2026 Week 10: 24/06/2026 – 30/06/2026
<u>Pemilihan Pemenang Hadiah Mingguan:</u>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Setiap minggu satu set nombor bersiri akan diperuntukkan kepada Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1". Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Jumlah Penyertaan Layak untuk setiap minggu. Jumlah Penyertaan Layak setiap minggu kemudiannya akan dibahagikan dengan enam (6) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan untuk Hadiah Mingguan. Sekiranya nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat terdekat yang terhasil. <p><u>Contoh:</u> Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak bagi Minggu 1 ialah 3001, Penganjur akan memilih Finalis berdasarkan mekanik berikut:</p> <p>a. <u>Enam (6) Finalis Hadiah Mingguan:</u> 3001 akan dibahagikan dengan 6 yang bersamaan dengan 500.17 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 500. Pegganda Nombor bersiri kemenangan dalam kes ini ialah 500. Enam (6) Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri dengan gandaan 500 iaitu: 500, 1000, 1500, 2000, 2500 dan 3000 akan dipilih.</p>
<u>Hadiah Utama:</u>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terdapat dua (2) Hadiah Utama yang berupa sebuah PERODUA BEZZA 1.0 G (Automatik) bernilai RM39,800 (harga atas jalan) setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Peraduan. 2. Hadiah Utama adalah termasuk kos untuk pendaftaran kereta standard, cukai jalan dan insurans. Pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala kos-kos kos lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyelenggaraan serta sebarang

	<p>perbelanjaan tambahan atau sampingan yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah Utama.</p>
<p><u>Pemilihan Pemenang Hadiah Utama:</u></p>	<p>1. Di akhir Tempoh Peraduan, satu set nombor bersiri akan diperuntukkan kepada Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri “1”. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Jumlah Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan. Jumlah Penyertaan Layak kemudiannya akan dibahagikan dengan dua (2) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan untuk Hadiah Utama. Sekiranya nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat terdekat yang terhasil.</p> <p><u>Contoh:</u> Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak ialah 50001, Penganjur akan memilih Finalis berdasarkan mekanik berikut:</p> <p>a. <u>Dua (2) Finalis Hadiah Utama:</u> 50001 akan dibahagikan dengan 2 yang bersamaan dengan 25000.50 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 25000. Nombor bersiri kemenangan dalam kes ini ialah 25000. Dua (2) Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri dengan gandaan 25000 iaitu: 25000 dan 50000 akan dipilih.</p>
<p><u>Penebusan Hadiah:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penganjur akan menghubungi semua Finalis Hadiah terpilih melalui WhatsApp dari Nombor WhatsApp Rasmi Promosi: +6018 3113 608 ke nombor mudah alih yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab melalui WhatsApp. Finalis terpilih mesti menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Sekiranya Finalis terpilih gagal menjawab soalan dengan betul atau gagal menjawab dalam masa yang ditetapkan dalam WhatsApp, Finalis terpilih akan dibatalkan dan digantikan dengan nombor bersiri Finalis selepas nombor bersiri Finalis yang dibatalkan. Penganjur akan menghubungi Finalis yang dipilih yang telah menjawab soalan dengan betul dan mengesahkan mereka sebagai Pemenang. 2. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis yang dipilih tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab. 3. Pemenang mesti memberikan butiran peribadi seperti nama penuh seperti dalam MyKad/Pengenalan, nombor MyKad/Pengenalan, alamat penghantaran untuk pengesahan dan penebusan hadiah melalui WhatsApp. Kegagalan untuk memberikan butiran peribadi akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan hadiah dibatalkan, mengikut budi bicara mutlak Penganjur. 3. Sepanjang Tempoh Peraduan setiap Peserta hanya boleh memenangi maksimum satu (1) Hadiah Harian, satu (1) Hadiah Mingguan dan satu (1) Hadiah Utama sahaja. 4. Semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka yang diperlukan kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah, tanpanya Penganjur mungkin tidak dapat memenuhi hadiah tersebut. Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Pemenang gagal memberikan butiran penuh mereka atas permintaan. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Penyertaan atau Hadiah jika butiran peribadi Peserta atau Pemenang (termasuk nama penuh, nombor

pengenalan dan nombor mudah alih) didapati tidak tepat atau salah pada bila-bila masa.

5. Pemenang Hadiah Utama dikehendaki untuk mengambil Hadiah Utama di outlet atau lokasi terpilih seperti yang dimaklumkan oleh Penganjur atau pihak berkaitan yang dilantik oleh Penganjur. Di mana berkenaan, Pemenang Hadiah Utama akan dihubungi oleh pihak berkaitan yang dilantik oleh Penganjur untuk tujuan pengambilan Hadiah Utama dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tamat Peraduan.
6. Semasa pemenuhan hadiah, semua Pemenang Hadiah Harian boleh memilih Kod PIN Tambah Nilai e-wallet mereka seperti berikut:
 - a. Kod Penebusan Kredit Boost atau,
 - b. E-Kredit SPayGlobal (Sarawak Pay).
7. Semua Pemenang Hadiah Harian dan Hadiah Mingguan akan menerima Kod PIN Tambah Nilai e-Wallet pilihan mereka daripada pembekal perkhidmatan Penganjur melalui WhatsApp daripada Nombor WhatsApp Rasmi Promosi: **+6018 3113 608** ke nombor mudah alih yang diberikan kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh penutupan Peraduan.
8. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana Kod PIN Tambah Nilai e-wallet tidak boleh dihantar atau disampaikan kepada Pemenang disebabkan sebarang perubahan, kesilapan dan/atau perbezaan dalam nombor telefon mudah alih yang diberikan kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan.
9. Semua Pemenang Hadiah Harian dan Hadiah Mingguan mesti mematuhi terma dan syarat vendor dan pihak yang mengatur dan menyediakan Kod PIN Tambah Nilai e-wallet. Pemenang hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang yuran pentadbiran atau kos tambahan yang berkaitan dengan penebusan dan penggunaan Kod PIN Tambah Nilai e-wallet. Berikut adalah terma dan syarat vendor:
 - a. Penebusan dan penggunaan Kod Penebusan Kredit Boost tertakluk pada Terma & Syarat Axiata Digital eCode Sdn Bhd; <https://www.myboost.com.my/terms/>
 - b. Penggunaan e-Kredit SPayGlobal (Sarawak Pay) tertakluk pada Terma & Syarat SiliconNet Technologies Sdn Bhd; <https://spayglobal.my/page-0-31-22-Terms-and-Conditions-of-Services.html>
10. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa penghantaran Kod PIN Tambah Nilai e-wallet mengikut budi bicara mutlak Penganjur sebagaimana yang difikirkan perlu. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kegagalan penerimaan Kod PIN Tambah Nilai e-wallet oleh Pemenang atau kelewatan penghantaran Kod PIN Tambah Nilai e-wallet kepada Pemenang.
11. Semua Kod PIN Tambah Nilai e-wallet yang tidak ditebus selepas tarikh akhir yang dinyatakan oleh Penganjur dalam mesej WhatsApp akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan alternatif yang sama atau lebih tinggi nilainya.

	<p>12. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebarang sebab di luar kawalan Penganjur tanpa sebarang pampasan kepada pemenang.</p> <p>13. Semua pemenang mesti mematuhi terma & syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah. Penganjur berhak untuk menarik balik Hadiah mereka sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan dan Terma dan Syarat Hadiah.</p> <p>14. Penganjur tidak membuat sebarang waranti atau representasi berkenaan dengan Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang masalah dan/atau kerosakan padanya atau timbul daripadanya.</p> <p>15. Iklan Keputusan Pemenang akan dipaparkan di Laman Web Penganjur di: https://www.fn.com.my/promotions-contests/.</p>
<p><u>Tarikh Tamat Penyertaan:</u></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum Tempoh Peraduan. Mana-mana Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p><u>Liabiliti, Tanggungjawab dan Hak Penganjur:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Gambar hadiah yang ditunjukkan pada bahan Peraduan adalah untuk tujuan gambaran sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza. Hadiah adalah tertakluk kepada Terma & Syarat Penebusan Hadiah yang akan disertakan dengan hadiah dan dinyatakan dalam surat perakuan pemenang. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan. 2. Penebusan hadiah tertakluk pada ketersediaan hadiah yang akan dimaklumkan oleh Penganjur dari semasa ke semasa. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu atas budi bicara mutlakny. 3. Pemenang mesti menerima hadiah dalam keadaan 'sedia ada'. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan/atau tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, dan/atau barangan lain atau baucar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya. Penganjur tidak akan melayan sebarang aduan mengenai kualiti dan kuantiti hadiah setelah hadiah diambil oleh pemenang atau dihantar kepada pemenang. 4. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa atau selepas penghantaran atau pengambilan hadiah. Sebarang kos tambahan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan perjalanan dan cukai yang dikenakan) yang berkaitan dengan atau timbul daripada penebusan atau pengambilan hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang. 5. Dengan menyertai peraduan ini, semua Peserta bersetuju untuk memikul liabiliti dan tanggungjawab penuh tanpa syarat setakat yang dibenarkan oleh undang-undang sekiranya berlaku sebarang kehilangan, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang

	<p>dialami akibat penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan memastikan Penganjur bebas dan terkecuali daripada sebarang liabiliti.</p> <ol style="list-style-type: none"> 6. Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu. 7. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma dan Syarat Peraduan. 8. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan mengikat. Tiada surat-menyurat atau rayuan akan dilayan. 9. Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan sebarang hadiah menandakan kebenaran dan persetujuan yang tidak boleh dibatalkan daripada peserta kepada Penganjur untuk menggunakan butiran peribadi dan gambar peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan atau keperluan untuk memberikan notis kepada Peserta terlebih dahulu. 10. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya meminda Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Penganjur berhak untuk mengubah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan, mekanisme Peraduan, hadiah dan/atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, perubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur terhadap hadiah, Peraduan atau mana-mana bahagian daripadanya tidak akan melayakkan Peserta kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur (dalam bentuk tunai atau dalam apa jua bentuk) untuk mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan perubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. 11. Penganjur mengecualikan semua tanggungjawabnya dan liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian terhadap Peraduan atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka yang di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan kerajaan, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, bencana alam, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.
<p>Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010:</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis bertulis (“Notis”) ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn Bhd (“F&N” atau “kami”). Tambahan lagi, dengan menyerahkan penyertaan Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh F&N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi anda yang telah anda berikan kepada kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama anda, nombor kad pengenalan nasional, nombor hubungan, alamat dan sebarang

	<p>maklumat lain yang kami minta daripada anda untuk penyertaan Peraduan ini. F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada F&N kemudiannya, untuk tujuan mengendalikan peraduan ini dan menghubungi anda (jika perlu).</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda dan/atau mengehadkan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi anda dengan menghantar e-mel kepada penyedia perkhidmatan kami di fulfilment@omniteam.com.my. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai berbanding versi Bahasa Malaysia. 3. Penganjur berhak untuk membatalkan Penyertaan anda sekiranya anda tidak bersetuju atau memberi persetujuan dengan pengumpulan dan/atau pemprosesan data peribadi anda tanpa sebarang notis awal mengikut budi bicara mutlak. 4. Untuk penerangan lanjut mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di https://www.fn.com.my/privacy-policy/.
<p>Terma Lain:</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat Peraduan ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma & Syarat Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada Peserta dan Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat yang diubah. 2. Terma & Syarat Peraduan ini disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan antara semua versi yang disediakan, versi Bahasa Inggeris yang boleh didapati di laman web: https://www.fn.com.my/promotions-contests/ akan diguna pakai. 3. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila kunjungi laman web Penganjur di: https://www.fn.com.my/promotions-contests/.